

18 DEC 1999

Waad-Letak Jawatan

EXCO NEGERI SEMBILAN LETAK JAWATAN DI TENGAH-TENGAH KONTROVERSI

SEREMBAN, 18 Dis (Bernama) -- Anggota Exco Negeri Sembilan Datuk Waad Mansor meletakkan jawatan hari ini dalam usaha untuk meredakan kontroversi berhubung pelantikan beliau.

Waad mengumumkan peletakan jawatannya pada sidang media di sini, enam hari selepas beliau dilantik anggota Exco oleh Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Katanya beliau membuat keputusan itu berdasarkan kesedaran dan keinsafan demi kepentingan parti dan negeri.

"Sebagai seorang anggota parti yang bertanggungjawab demi kepentingan parti dan negeri, saya dengan sukacitanya meletakkan jawatan sebagai anggota Exco berkuatkuasa hari ini," katanya.

Menurutnya, beliau sebenarnya ingin meletak jawatan lebih awal tetapi menanggung sehingga hari ini kerana "mahu melihat siapa pemimpin Umno yang banyak membuat kenyataan melatah menggunakan akhbar untuk menyelesaikan masalah dalaman parti."

Pelantikan Waad ke jawatan itu selepas pilihan raya umum 29 Nov telah menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan beberapa pemimpin Umno negeri yang mempersoalkan langkah itu kerana ada dua lagi tuduhan rasuah masih menunggu terhadap Waad.

Beliau didapati tidak bersalah oleh Mahkamah Tinggi di sini pada 8 Okt terhadap tiga pertuduhan rasuah tetapi Pejabat Peguam Negara telah memfailkan notis rayuan terhadap keputusan itu.

Menurut laporan akhbar, Isa bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung kontroversi itu semalam.

Waad berkata beliau tidak berjumpa dan tidak berbincang dengan Isa berhubung peletakan jawatannya itu, dan akan menyerahkan surat kepada Menteri Besar hari ini serta berharap peletakan jawatannya itu diterima.

Waad merupakan anggota Exco sebelum pembubaran Dewan Undangan Negeri pada 11 Nov dan pelantikan semula beliau ke jawatan itu di sebalik beliau sedang menunggu dua tuduhan rasuah lagi, menjadi punca tercetusnya kontroversi itu.

Pada upacara angkat sumpah jawatan bagi Waad dan anggota-anggota Exco lain di Istana Seri Menanti pada Isnin, seorang anggota Dewan Undangan Negeri Lenggeng Datuk Ishak Ismail, yang juga Ketua Bahagian Umno Seremban, membuat bantahan terhadap pelantikan Waad dengan keluar daripada upacara itu.

Pada Khamis, Ketua Wanita Umno negeri Datuk Napsiah Omar mempersoalkan pelantikan itu dan menggesa Waad meletakkan jawatan.

Semalam, Ketua Bahagian Umno Kuala Pilah Datuk Abu Zahar Ujang, yang turut menggesa bagi Waad meletak jawatan, berkata Isa sepatutnya dipertanggungjawabkan terhadap kontroversi itu.

Waad berkata keputusannya meletak jawatan merupakan keputusan peribadinya yang tidak dimaklumkan kepada sesiapa sebelum ini dan menyatakan ia adalah satu pengorbanannya tanpa dinasihati atau diarah oleh sesiapa untuk berbuat demikian kerana beliau ingin melihat parti dan negeri ini aman damai.

Waad yang menjadi Wakil Rakyat sejak 1982 dan dilantik Exco sejak 1986, berkata oleh sebab beliau sudah meletak jawatan, maka beliau merasakan tidak ada sebab lagi untuk sesiapa membangkitkan dan menimbulkan masalah lain seperti kelemahan pihak pemerintah, pentadbir dan pucuk pimpinan parti yang boleh memecahbelahkan perpaduan parti.

Katanya sekiranya terdapat apa-apa bantahan atau rasa tidak puas hati di kalangan anggota Umno, ia hendaklah disampaikan menggunakan saluran parti yang sepatutnya dikekalkan dan diamalkan kerana jika tidak, maka disiplin parti akan tercalar dan Umno akan lemah.

Ketika ditanya sama ada beliau marah terhadap pemimpin-pemimpin Umno yang mempertikaikan pelantikannya, Waad berkata: "Saya sudah masuk lima penggal sebagai wakil rakyat, walaupun umur saya muda, 43 tahun, tetapi saya rasa cara berfikir saya lebih baik daripada sesetengah mereka."

Ditanya ada pihak yang menyalahkan Isa berhubung pelantikannya sebagai Exco, Waad berkata beliau rasa Menteri Besar tidak bersalah.

"Yang bersalah ialah sekiranya orang itu sudah disabitkan dan dijatuhkan hukuman, barulah orang itu bersalah, selagi tidak disabitkan, bermakna tidak bersalah.

"Kalau begitu keadaannya mudahlah seseorang boleh ambil tindakan, cari jalan saman seseorang anggota Exco, masuk mahkamah, letak jawatan. Esok bila ada yang marah, bawa ke mahkamah letak jawatan, akhirnya tiada penghujung," katanya.

Ketika ditanya bahawa kes mahkamahnya belum selesai, katanya, ia merupakan peraturan undang-undang dan peraturan undang-undang juga jelas bahawa selagi tidak disabitkan kesalahan selagi itu tidak boleh dikatakan bersalah.

Kepada pertanyaan mengapa semasa dihadapkan ke mahkamah atas lima tuduhan dahulu, beliau meletak jawatan Exco dan kini dengan masih ada dua lagi tuduhan, beliau bertanding pada pilihan raya dan menerima jawatan Exco, Waad berkata pokoknya beliau belum lagi disabitkan.

Diminta pendapatnya mengenai kenyataan Perdana Menteri tidak lama dahulu bahawa pemimpin mesti bukan sahaja bersih tetapi mesti juga dilihat bersih daripada segi moral, untuk menjadi pilihan, Waad berkata perkara itu subjektif.

"Benda ini subjektif...tidak boleh ditetapkan satu jawapan, ada masanya berlainan keadaan mengikut situasi," katanya.

Katanya beliau kini akan menjalankan tugas biasa sebagai anggota Dewan Undangan Negeri Gemencih dan akan membuat rayuan kepada Majlis Tertinggi mengenai cutinya sebagai Ketua Bahagian Umno Tampin sejak kes rasuahnya dihadapkan ke mahkamah pada Mei 1998, untuk membolehkannya menjalankan tanggungjawab sebagai ketua bahagian.

-- BERNAMA

AZ RP RON